

Pembangunan Lestari

- Adunan pembangunan atau kemajuan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar daripada musnah.

-Pemuliharaan bermaksud membaik pulih sumber-sumber alam sekitar seperti air, hutan, tenaga, udara, mineral dan lain-lain yang telah digunakan tanpa membiarkan sumber-sumber itu pupus.

-Pemeliharaan pula meliputi aspek penjagaan dan perlindungan untuk mengekalkan sumber-sumber semula jadi daripada diteroka dengan rakus oleh manusia.

-Idea pembangunan lestari dibentuk berasaskan konsep dan prinsip pembangunan berterusan. Bermatlamat untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang.

Akta-akta berkaitan

1. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974

- pencemaran udara (seksyen 20)
- pencemaran bunyi bising (seksyen 23)
- pencemaran tanah (seksyen 24)
- pencemaran perairan daratan (seksyen 25)
- Pencemaran minyak (seksyen 29)

2. Akta Perhutanan Negara 1984 - seksyen 82 (1) melarang sesiapa melakukan pembakaran dalam hutan simpan.

3. Akta Kerajaan Tempatan 1976- seksyen 81 menyatakan tindakan boleh diambil ke atas kilang yang mengeluarkan asap dan mengganggu kesihatan serta alam sekitar.

4. Akta Taman Negara 1980- menghalang aktiviti yang menjejaskan ekosistem hutan

5. Akta Perikanan 1985

Panilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

1. EIA adalah satu proses pencegahan daripada berlakunya kemerosotan kualiti alam sekitar. Penilaian ini bertujuan mengelakkan berlakunya kerugian besar khususnya terhadap alam sekitar akibat kesilapan perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.

2. EIA satu pendekatan yang menyeluruh/holistik ke arah pengurusan alam sekitar yang melibatkan kawalan dan perancangan sumber jaya agar wujud keseimbangan antara kepentingan projek pembangunan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang berkualiti.

3. Oleh itu, sesuatu projek pembangunan khususnya projek mega yang hendak dijalankan, maka pemaju mestilah menyediakan laporan EIA yang lengkap untuk diteliti dan diluluskan oleh pihak berkuasa (Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar). Pihak berkuasa boleh menangguh atau membatalkan sesuatu projek jika tidak menepati kehendak dan syarat yang ditetapkan dalam EIA.

Contoh projek yang perlukan kelulusan EIA

Contoh Aktiviti Kriteria pembangunan yang perlukan laporan

1. Pertanian
 - i. Skim kemajuan tanah yang melebihi 500 hektar
 - ii. Program pertanian yang perlukan penempatan semula > 100 keluarga
 - iii. Pembangunan estet pertanian
2. Lapangan terbang
 - i. Lapangan terbang yang mempunyai landasan 2, 500 meter atau lebih
 - ii. Pembinaan lapangan terbang dalam taman negara
3. Saliran dan pengairan
 - i. Pembinaan empangan dan tasik buatan manusia seluas 200 hektar
 - ii. Saliran kawasan paya, hutan dara meliputi kawasan seluas 200 hektar
 - iii. Skim pengairan meliputi 5 000 hektar atau lebih
4. Tebus guna tanah
 - i. Penebusgunaan kawasan pantai meliputi kawasan seluas 50 hektar
5. Perikanan
 - i. Pembinaan pelabuhan perikanan
 - ii. Peluasan kawasan pelabuhan melibatkan 50 peratus atau lebih
 - iii. Projek akuakultur meliputi kawasan 50 hektar atau lebih
6. Perhutanan
 - i. Pengubahan hutan bukit meliputi 50 hektar atau lebih
 - ii. Pembalakan mengubah kawasan tadahan kepada kegunaan lain
 - iii. Pembalakan melebihi 500 hektar atau lebih
7. Perumahan
 - i. Pemajuan kawasan perumahan meliputi kawasan seluas 50 hektar
8. Industri
 - i. Kimia – keluaran melebihi 100 tan metrik/hari
 - ii. Petrokimia – semua saiz
9. Infrastruktur
 - i. Pembinaan lebuh raya, pembinaan bandar baru, pembinaan hospital
10. Pelabuhan
 - i. Pembinaan pelabuhan